

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]

SOALAN : Tuan Gooi Hsiao-Leung minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan selain daripada insentif wang tambahan RM50 yang baru-baru ini diumumkan oleh Perdana Menteri akan diberi kepada pesawah padi, apakah langkah-langkah baru lain yang akan dilaksanakan untuk membantu pesawah padi meningkatkan hasil pengeluaran padi mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi membantu pesawah padi untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi mereka sekaligus meningkatkan pendapatan petani, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah sub sektor padi dan beras.

Pengumuman penyelarasan harga belian padi oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 16 Januari 2014, telah menetapkan harga padi RM1,200 per tan metrik sebagai asas pelarasan harga di seluruh negeri di Semenanjung dan harga tersebut adalah tertakluk kepada pelaksanaan pemutuan sebenar padi di kilang. Inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menyeragamkan harga belian padi di Semenanjung Malaysia adalah bertujuan untuk membolehkan petani menikmati pendapatan yang lebih baik dan seragam antara negeri, tertakluk kepada proses pemutuan padi sebenar.

Pada tahun 2015, sejumlah RM 2.21 billion telah diperuntukkan kepada petani dalam usaha meringankan beban dan sekaligus meningkatkan pendapatan. Bantuan yang diterima adalah dalam bentuk benih padi, input pertanian seperti baja sebatian, baja urea, baja organik, baja foliar, baja NPK tambahan, kapur, racun dan juga upah pembajakan. Kerajaan menanggung 60% daripada kos usaha sawah.

Seterusnya, sebagai usaha Kerajaan untuk menyediakan kemudahan pembangunan pertanian yang lengkap bagi memastikan aktiviti penanaman padi dapat dijalankan dengan lebih efisien sekaligus meningkatkan pendapatan pesawah, bajet sebanyak RM180 juta diperuntukkan pada tahun 2016. Peruntukan ini adalah bagi menaiktaraf struktur pengairan dan saliran di kawasan jelapang padi (Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu, IADA).

Bantuan terkini kepada pesawah padi telah diumumkan dalam Ucapan Pengubahsuaian Bajet Tahun 2016 oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2016, iaitu tambahan tunai RM50 bagi setiap 1 tan metrik padi bersih sebagai Insentif Input Pengeluaran Padi di mana pembayaran insentif ini akan dibayar seperti mekanisme program Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) sediaada. Pelaksanaan tambahan tunai RM50 bagi setiap 1 tan metrik padi bersih ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2016 dan melibatkan peruntukan sebanyak RM 102.75 juta bagi tahun 2016.

Walau bagaimanapun, kerajaan melalui Kementerian Pertanian Malaysia juga sentiasa mengkaji dan menambahbaik inisiatif baru mengikut keperluan industri padi dan beras bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi pesawah.